



# WAHABIYAH: ALIRAN SESAT ATAU ALIRAN AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH?

Oleh:


Penyelidik Ahlussunnah Wal Jama'ah Research Group (ARG)



# **RANGKA PERBENTANGAN**

- 1) TAKRIF WAHHABIAH
- 2) TAKRIF ALIRAN SESAT
- 3) TAKRIF AHLIS SUNNAH WAL JAMAAH
- 4) FATWA2 PARA ULAMA ASWJ BAHAWA WAHHABIAH ADALAH ALIRAN SESAT
- 5) WAHHABIAH ADALAH ALIRAN TAKFIRI, HILANG CIRI TIDAK MENKAFIRKAN AHLI KIBLAT YANG SEPATUTNYA ADA PADA ASWJ
- 6) BUKTI-BUKTI KESESATAN WAHHABIAH DAN BAHAWA PEGANGAN INI TERKELUAR DARI AHLIS SUNNAH WAL JAMAAH
- 7) KESIMPULAN





# **Takrif WAHABI** **(Disisi ASWJ)**

# Al-Fajr al-Sadiq karangan Jamil Afandi Sidqi

## الوهابية و منشأها


الوهابية فرقة منسوبة الى محمد بن عبد الوهاب و ابتداء ظهور محمد هذا كان سنة ١١٤٣ و انما اشتهر امره بعد الخمسين فأظهر عقيدته الزائغة في نجد و ساعده على اظهارها محمد بن سعود امير الدرعية بلاد مسيلمة الكذاب مجيرا اهلها على متابعة ابن عبد الوهاب هذا فتابعوه و ما زال ينخدع له في هذا الامر حي بعد حي من احياء العرب حتى عمت فتنته و كبرت شهرته و استفحل أمره فخافته البادية و كان يقول للناس ما ادعوكم الا الى التوحيد و ترك الشرك بالله تعالى في عبادته و كانوا يمشون خلفه حيثما مشى حتى اتسع له الملك.

Al-Wahhābiyyah merupakan satu kelompok yang dinisbahkan kepada Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb, bermula kemunculannya pada tahun 1143H namun beliau mula terkenal setelah berumur 50, lalu menzahirkan akidahnya yang menyeleweng di Najd dengan bantuan Muḥammad bin Sa‘ūd, pemerintah al-Dar‘iyyah, negeri Musaylamah al-Kadhdhāb, memaksa penduduk negeri itu mengikuti Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb, lalu mereka mengikutinya dan mereka masih mengikutinya dalam perkara ini sehinggalah fitnah itu meliputi bangsa Arab dan beliau menjadi semakin masyhur.

Beliau sering mengatakan kepada manusia, “tidaklah aku menyeru kamu melainkan kepada tawḥīd dan meninggalkan kesyirikan kepada Allah di dalam beribadah kepadanya!” dan mereka ini berjalan dibelakangnya dimana sahaja beliau pergi sehingga beliau menjadi semakin berkuasa.







# **Takrif WAHABI** **(Disisi WAHABI)**

# IBN BAZ (WAFAT 1999) – MUFTI SAUDI (1413H/1992 – 1420H/ 1999M) BERKATA:

“**Wahhabi**” ialah merupakan gelaran yang masyhur bagi ulama’ Tauhid iaitu ulama’ Najd, dan mereka menisbahkan diri mereka kepada Muhammad bin Abdul Wahhab”.

“Maka para pengikut beliau dan sesiapa sahaja yang berdakwah dengan ajaran beliau serta berkembang di atas dakwah beliau di Najd **dinamakan sebagai al-Wahhabi.**”

“Ia (**Wahhabi**) ialah “gelaran yang mulia lagi agung.”




# Fatawa Nur 'Ala al-Darb karangan Bin Baz

دعوة الإمام محمد بن عبد الوهاب رحمه الله إلى التوحيد  
س: يقول السائل: فضيلة الشيخ، يسمى بعض الناس عندنا العلماء في  
المملكة العربية السعودية بالوهابية فهل ترضون بهذه التسمية؟ وما هو الرد  
على من يسميكم بهذا الاسم؟

ج: هذا لقب مشهور لعلماء التوحيد علماء نجد، ينسبونهم إلى الشيخ  
الإمام محمد بن عبد الوهاب رحمه الله عليه؛ لأنه دعا إلى الله عز وجل في  
النصف الثاني من القرن الثاني عشر، واجتهد في إيضاح التوحيد وبيان الشرك  
للناس، حتى هدى به الله جمًّا غفيرًا، ودخل الناس في توحيد الله، وتركوا ما  
هم عليه من أنواع الشرك الأكبر؛ من عبادة أهل القبور، ومن البدع المتعلقة  
بالقبور، وعبادة الأشجار والأحجار، والغلو في الصالحين.

فصارت دعوته تجديدية إسلامية عظيمة، نفع الله بها المسلمين في  
الجزيرة العربية وفي غيرها رحمه الله رحمة واسعة، وصار أتباعه ومن دعا  
بدعوته ونشأ على هذه الدعوة في نجد يُسمَّى بالوهابي، وكان هذا اللقب  
علمًا لكل من دعا إلى توحيد الله، ونهى عن الشرك وعن التعلق بأهل القبور،  
أو التعلق بالأشجار والأحجار، وأمر بالإخلاص لله وحده وسمي وهابيًا،  
فهو لقب شريف عظيم يدل على أن من لُقِّب به فهو من أهل التوحيد، ومن  
أهل الإخلاص لله، وممن ينهى عن الشرك بالله، وعن عبادة القبور والأشجار  
والأحجار والأصنام والأوثان.



Berdasarkan fatwa Ibn Baz, maka **Wahabi** boleh didefinisikan sebagai:

“Sesiapa yang membawa ajaran dan fahaman Muhammad bin Abdul Wahhab yang muncul dari Najd (Riyad dan kawasan sekitarnya).”





# Al-Hadiyyah al-Sunniyyah wa al-Tuhfah al-Wahhabiyyah al-Najdiyyah karangan Sulaiman bin Sahman al-Najdi (Ulama Wahabi)

\* الهدية السننية \*

والتحفة الوهابية النجدية

لجميع اخواننا الموحدين من اهل الملة الحنيفية والطريقة المحمدية

تأليف الفقير الى الله عز شأنه

سليمان بن سحمان النجدي غفر الله له ولوالديه

طبعت بأمر جلالة السلطان عبد العزيز آل سعود

امام مملكة نجد وملحقاتها

طبعة

الطبعة الاولى في سنة ١٣٤٢

مطبعة المنار بمصر

Tokoh besar Wahhabi - Sulaiman bin Sahman al Najdi - menamakan Wahhabi sebagai Wahhabi dan Najdi dengan menggunakan istilah Wahhabiyyah dan Najdiyyah bagi bukunya/risalahnya:

الهدية السننية والتحفة الوهابية النجدية لجميع اخواننا الموحدين من اهل الملة الحنيفية والطريقة المحمدية

- Buku ini diterbitkan dengan perintah raja Saudi sendiri - Sultan Najd Abdul Aziz Al Saud - pengasas negara Saudi.
- Cetakan ini adalah wakaf dari Muhammad Rashid Redha.
- Nama Wahhabi bukanlah ciptaan pihak lain - sama ada ASWJ, atau Syiah atau pihak Barat, ia adalah nama kebanggaan golongan Wahhabi sendiri di peringkat awal.
- Ia juga merupakan satu gelaran yang mulia (لقب شريف) menurut Ibn Baz - Mufti Saudi.




# Athar al-Da'wah al-Wahhabiyyah fi al-Islah al-Dini wa al-'Umrani fi Jazirah al-'Arab wa Ghayriha karangan Muhammad Hamid al-Faqi (Ulama Wahabi)



١- الوهابية: نسبة إلى الإمام المصلح، شيخ الإسلام، محمد بن عبد الوهاب مجدد القرن الثاني عشر، وهي نسبة على غير القياس العربي فلقد كان الصحيح أن يقال: "المحمدية" إذ أن اسم صاحب هذه الدعوة، والقائم بها هو "محمد" لا "عبد الوهاب" على أننا نتجاوز عن هذا الخطأ العربي، ونماشي العامة الآن، لننظر كيف، ولماذا أطلق هذا اللقب على هذه الدعوة، والقائمين بها؟ علنا نقف بالقارئ على بعض السر الذي دعا إلى استعماله، ثم إلى شيوعه في الأقطار العربية وغيرها، إلا نجدا، وما يتصل بها. فإن من أعجب العجب أنك لا تجد لهذا اللقب أثرا فيها، ولا عند النجديين النازحين عنها إلى غيرها للتجارة، أو الإقامة والاستيطان، لا بل الأعب من هذا أنهم يستنكرون ذلك ممن يخاطبهم به، أو ينسبهم إليه وأنهم جميعا من ملكهم، وأمرائهم، ومشايخهم- الذين أكثرهم من آل الشيخ محمد، وتجارهم وعامتهم يطلقون على أنفسهم، من حيث الوطن والقطر "نجديين" ومن حيث المذهب والعقيدة "حنابلة".





# **Takrif Ahli Sunnah Wal Jamaaah (Disisi ASWJ)**



تفسير الماتريدي = تأويلات أهل السنة» (92 / 1)  
«ويرى الشيخ مُحَمَّد زاهد الكوثري: أنه إذا أطلق أهل السنة فالمراد بهم الأشاعرة والماتريدية»

Syeikh Muhammad Zahid Al- Kauthari berpendapat bahawa jika dimutlakkan penyebutan Ahli Sunnah maka yang mereka maksudkan daripada perkataan itu ialah golongan Al- Asya`irah dan Al- Matudiyah

«خطط الشام» (240 / 6)  
إذا أطلق أهل السنة والجماعة يراد بها الأشعرية والماتريدية، أما الأشعرية فهم أصحاب الإمام أبي الحسن علي بن الإسماعيلي من ذرية أبي موسى عبد الله بن قيس الأشعري الصحابي الجليل»

Apabila dimutlakkan penyebutan Ahli Sunnah Wal Jamaah, maka yang dimaksudkan daripada perkataan itu ialah golongan Al- Asy`riyah dan Al- Matudiyah. Adapun golongan yang disebut sebagai Al- Asy`riyah, mereka ialah para pengikut Al- Imam Abu Hasan Ali Bin Ismail, yang mana beliau ini merupakan zuriyat (keturunan) Abu Musa Abdullah Bin Qais Al- Asyari seorang sahabat yang agung

غاية الأماني في الرد على النبهاني» (546 / 1):  
«ثم إنه نقل عن الزبيدي ما يؤيد قوله من أن أهل السنة هم الأشاعرة ونحوهم، وعن التاج السبكي ووالده مثل ذلك، وأنه لا فرق بين الأشاعرة وبين الماتريدية إلا في مسائل»

Dinukilkan daripada Al- Zabidi bahawa Ahli Sunnah ialah Al- Asyairah dan yang seumpama dengan nya, perkara ini juga turut dinukilkan daripada At- Taj As- Subki dan Anak beliau, dan sesungguhnya tidak ada perbezaan diantara Al- Asya`irah dan Al- Maturidiyah melainkan pada beberapa masalah.





- Ahlus Sunnah wal Jamaah di dalam **Aqidah** secara majoriti adalah golongan **Asyaa'irah Maaturidiyyah** dan **BUKAN golongan Wahhabi**.
- Ahlus Sunnah wal Jamaah di dalam **Syariah** yang masih diwarisi sehingga hari ini adalah **mazhab-mazhab fiqh yang empat** dan **BUKAN fatwa-fatwa Wahhabi yang bercanggah**.
- Ahlus Sunnah wal Jamaah di dalam **Tasawwuf** adalah mengikut manhaj **Al-Imaam Al-Ghazali dan Al-Imaam Junaid Al-Baghdaadi** dan **BUKAN pemikiran Wahhabi**.



# ASYA'IRAH & MATURIDIYAH ADALAH ASWJ DISISI PARA ALIM ULAMA IKUTAN UMAT


اتحاف السادة المنقذين  
بشرح إحياء علوم الدين

تصنيف خاتمة المحققين وعمدة ذوي الفضائل من المدققين  
العلامة السيد محمد بن محمد الحسيني الزبيدي الشهير بمرتضى  
رحمه الله وأتابه من فيض فضله جزيل الرضا آمين .

\* (الفصل الثانی) \* اذا أطلق أهل السنة والجماعة المراد بهم الاشاعرة والماتريدية

Apabila disebutkan Ahlussunnah Wal-Jama'ah maka dikehendaki dengannya adalah Asyaa'irah dan Maaturidiah - Al-Imaam Al-Haafizh Murtadha Az -Zabidi





# **Takrif Ahli Sunnah Wal Jamaaah (Disisi WAHABI/IDOLA WAHABI)**

مجموع الفتاوى للإمام ابن تيمية، المجلد الثالث:

سئل شيخ الإسلام عن قوله صلى الله عليه وسلم تفترق أمتي ثلاث وسبعين فرقة

عدل

وسئل شيخ الإسلام أحمد بن تيمية قدس الله روحه :

عن قوله ﷺ: «تفترق أمتي ثلاث وسبعين فرقة». ما الفرق؟ وما معتقد كل فرقة من هذه الصنوف؟

فأجاب:

الحمد لله الحديث صحيح مشهور في السنن والمسند؛ كسنن أبي داود والترمذي والنسائي وغيرهم، ولفظه: «افتترقت اليهود على إحدى وسبعين فرقة، كلها في النار إلا واحدة، وافتترقت النصارى على اثنتين وسبعين فرقة كلها في النار إلا واحدة، وستفترق هذه الأمة على ثلاث وسبعين فرقة، كلها في النار إلا واحدة». وفي لفظ: «على ثلاث وسبعين ملة» وفي رواية قالوا: يا رسول الله، من الفرقة الناجية؟ قال: «من كان على مثل ما أنا عليه اليوم وأصحابي». وفي رواية قال: «هي الجماعة، يد الله على الجماعة». ولهذا وصف الفرقة الناجية بأنها أهل السنة والجماعة، وهم الجمهور الأكبر، والسواد الأعظم.

وأما الفرق الباقية، فإنهم أهل الشذوذ والتفرق والبدع والأهواء، ولا تبلغ الفرقة من هؤلاء قريبًا من مبلغ الفرقة الناجية، فضلًا عن أن تكون بقدرها، بل قد تكون الفرقة منها في غاية القلة. وشعار هذه الفرق مفارقة الكتاب والسنة والإجماع. فمن قال بالكتاب والسنة والإجماع كان من أهل السنة والجماعة.





# WAHHABI: SELAIN AHLUSSUNNAH WAL-JAMAAH TIDAK MEMELIHARA KEBERSAMAAN

السؤال: من هم أهل السنة والجماعة؟

الإجابة: أهل السنة والجماعة هم الذين تمسكوا بالسنة، واجتمعوا عليها، ولم يلتفتوا إلى سواها، لا في الأمور العلمية العقدية، ولا في الأمور العملية الحُكْمية، ولهذا سموا أهل السنة، لأنهم متمسكون بها، وسموا أهل الجماعة، لأنهم مجتمعون عليها .

وإذا تأملت أحوال أهل البدعة وجدتهم مختلفين فيما هم عليه من المنهاج العقدي أو العملي، مما يدل على أنهم بعيدون عن السنة بقدر ما أحدثوا من البدعة.


مجموع فتاوى و رسائل الشيخ محمد صالح العثيمين المجلد الاول - باب أهل السنة والجماعة.

# SELAIN AHLUSSUNNAH WAL-JAMAAH TIDAK MEMELIHARA KEBERSAMAAN

- Bid'ah identik dengan perpecahan, sebagaimana Sunnah identik dengan kebersamaan, sehingga dikatakan Ahlussunnah Wal-Jamaah, sebagaimana halnya dikatakan Ahlul-bid'ah wa al-Furqah. - Ibn Taimiyyah

والبدعة مقرونة بالفرقة ، كما أن السنة مقرونة بالجماعة ؛ فيقال :  
أهل السنة والجماعة ، كما يُقالُ : أهل البدعة والفرقة . ٤٢

الإِسْتِقَامَةُ  
لابن تيمية  
أبي العباس تقي الدين أحمد بن عبد الحليم



# **Makna Aliran Sesat**



Setelah mengetahui takrif-takrif diatas, jelas bahawasanya aliran sesat itu adalah yang menyalahi al-Quran, al-Sunnah dan Ijma' para ulama.







# **FATWA-FATWA ULAMA ASWJ BAHAWA WAHABI ADALAH ALIRAN SESAT**

**SIGHAH**  
**KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL**  
**UGAMA ISLAM MALAYSIA KALI KE 106**

Tarikh : 21 hingga 22 Oktober 2014  
Tempat : TH Hotel & Convention Centre Kuala Terengganu

**Kertas JFK Bil 4/106/2014**

**Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah Terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia**

1. Setelah **mendengar pembentangan** dan **meneliti laporan penyelidikan** yang telah disediakan oleh Kumpulan Penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan oleh Kumpulan Penyelidik.
2. Berdasarkan **dapatan penyelidikan** tersebut Muzakarah **mendapati** bahawa:
  - i. Bagi sesetengah golongan Salafiyah, **al-Quran dan al-Sunnah hanya perlu difahami berdasarkan makna zahir** dan inilah sahaja pandangan yang betul dan tepat. Sebaliknya pandangan yang cuba memahami teks secara kontekstual dan mengharuskan pentakwilan sebahagian nas-nas al-Quran berdasarkan kaedah-kaedah pentakwilan yang ketat tidak diterima oleh mereka. Konsep dan fahaman ini antara punca yang dapat dikenalpasti sebagai **landasan munculnya aliran pembed'ahan dalam masyarakat**.
  - ii. Mana-mana amalan umat Islam yang tidak dinyatakan secara jelas berdasarkan tafsiran literal dalam al-Quran dan al-Sunnah dianggap sebagai **bid'ah yang sesat** dan pengamal bid'ah perlu ditentang.



iii. Dapatan kajian yang dianalisis mendapati bahawa **aliran Salafi-Wahabi adalah tidak selari dengan arus perdana atau jumhur Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diamalkan di Malaysia.**

iv. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa **Salafi Wahabi menggunakan sejumlah laluan untuk menyebarkan fahaman mereka** melalui media massa, elektronik dan laman sesawang, melalui kelas pengajian yang dikendalikan oleh tokoh- tokoh Salafi-Wahabi dalam dan luar Negara, penyebaran melalui buku- buku akademik dan artikel serta penyebaran melalui platform pendidikan sama ada di peringkat KBSR, KSSR, KBSM serta IPT.

v. Pegangan kepada **Tauhid Tiga iaitu Rububiyah, Uluhiyyah dan al-Asma' wa al-Sifat** yang dibawa oleh golongan Salafi- Wahabi cukup membimbangkan kerana **konsep Tauhid Tiga jelas tidak mewakili konsep tauhid Ahli Sunnah wal Jamaah yang di amalkan di Malaysia yang berteraskan ajaran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah** dan ia sudah terdedah secara meluas dalam masyarakat Islam di Malaysia melalui penerimaannya dalam **silibus pendidikan Islam** di peringkat sekolah menengah dan universiti.

vi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa **ajaran Syiah adalah bertentangan secara diametrikal dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah** dalam pelbagai aspek kehidupan beragama. Perkara yang melibatkan persoalan usul dalam agama dan amalan harian kedua-dua mazhab ini jelas tidak dapat dikompromi sama sekali.

vii. Dapatan kajian yang dianalisis menunjukkan bahawa golongan Syiah **tidak menganggap golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai saudara seagama dengan mereka** dan gerakan Syiah di Malaysia **sudah meluas dan tersusun**. Bilangan pengikut Syiah **sedang berkembang** dan mereka sudah berani menzahirkan kewujudan mereka.

3. Berdasarkan hasil penyelidikan yang dikemukakan, Muzakarah **bersetuju memperakukan rumusan penyelidikan** bahawa dari segi perundangan **Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah mazhab rasmi Negara Malaysia** dan **Aliran Syiah serta Salafi-Wahabi** pada masa kini **sedang memberi ancaman serius kepada survival Ahli Sunnah Wal Jamaah**. Kedua-dua aliran pemikiran ini boleh **mendatangkan perbalahan dan perpecahan** kepada masyarakat Islam di Malaysia.



# KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MKI KE 106 TAHUN 2014

- Dapatan kajian yang dianalisis mendapati bahawa aliran Salafi Wahabi adalah tidak selari dengan arus perdana atau jumur Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diamalkan di Malaysia.
- Pegangan kepada Tauhid Tiga iaitu Rububiyah, Uluhiyyah dan al-Asma' wa al-Sifat yang dibawa oleh golongan Salafi Wahabi cukup membimbangkan kerana konsep Tauhid Tiga jelas tidak mewakili konsep tauhid Ahli Sunnah wal Jamaah yang diamalkan di Malaysia yang berteraskan ajaran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah dan ia sudah terdedah secara meluas dalam masyarakat Islam di Malaysia melalui penerimaannya dalam silibus pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah dan universiti.

## ANCAMAN ALIRAN BUKAN AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH TERHADAP PERPADUAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21-22 Oktober 2014 telah membincangkan Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal Jama'ah Terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar pembentangan dan meneliti laporan penyelidikan yang telah disediakan oleh Kumpulan Penyelidik dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan oleh Kumpulan Penyelidik.
2. Berdasarkan dapatan penyelidikan tersebut Muzakarah mendapati bahawa:
  - i. Bagi sesetengah golongan Salafiyah, al-Quran dan al-Sunnah hanya perlu difahami berdasarkan makna zahir dan inilah sahaja pandangan yang betul dan tepat. Sebaliknya pandangan yang cuba memahami teks secara kontekstual dan mengharuskan pentakwilan sebahagian nas-nas al-Quran berdasarkan kaedah-kaedah pentakwilan yang ketat tidak diterima oleh mereka. Konsep dan fahaman ini antara punca yang dapat dikenalpasti sebagai landasan munculnya aliran pembid'ahan dalam masyarakat.
  - ii. Mana-mana amalan umat Islam yang tidak dinyatakan secara jelas berdasarkan tafsiran literal dalam al-Quran dan al-Sunnah dianggap sebagai bid'ah yang sesat dan pengamal bid'ah perlu ditentang.
  - iii. Dapatan kajian yang dianalisis mendapati bahawa aliran Salafi Wahabi adalah tidak selari dengan arus perdana atau jumur Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang diamalkan di Malaysia.
  - iv. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa Salafi Wahabi menggunakan sejumlah laluan untuk menyebarkan fahaman mereka melalui media massa, elektronik dan laman sesawang, melalui kelas pengajian yang dikendalikan oleh tokoh-tokoh Salafi Wahabi dalam dan luar Negara, penyebaran melalui buku-buku akademik dan artikel serta penyebaran melalui platform pendidikan sama ada di peringkat KBSR, KSSR, KBSM serta IPT.
  - v. Pegangan kepada Tauhid Tiga iaitu Rububiyah, Uluhiyyah dan al-Asma' wa al-Sifat yang dibawa oleh golongan Salafi Wahabi cukup membimbangkan kerana konsep Tauhid Tiga jelas tidak mewakili konsep tauhid Ahli Sunnah wal Jama'ah yang diamalkan di Malaysia





# KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MKI KE 106 TAHUN 2014

- Muzakarah bersetuju memperakukan rumusan penyelidikan bahawa dari segi perundangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah mazhab rasmi Negara Malaysia dan Aliran Syiah serta **Salafi Wahabi pada masa kini sedang memberi ancaman serius kepada survival Ahli Sunnah Wal Jamaah**. Kedua-dua aliran pemikiran ini boleh mendatangkan perbalahan dan perpecahan kepada masyarakat Islam di Malaysia.

yang berteraskan ajaran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah dan ia sudah terdedah secara meluas dalam masyarakat Islam di Malaysia melalui penerimaannya dalam silibus pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah dan universiti.

- vi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ajaran Syiah adalah bertentangan secara diametrikal dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam pelbagai aspek kehidupan beragama. Perkara yang melibatkan persoalan usul dalam agama dan amalan harian kedua-dua mazhab ini jelas tidak dapat dikompromi sama sekali.
- vii. Dapatan kajian yang dianalisis menunjukkan bahawa golongan Syiah tidak menganggap golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai saudara seagama dengan mereka dan gerakan Syiah di Malaysia sudah meluas dan tersusun. Bilangan pengikut Syiah sedang berkembang dan mereka sudah berani menzahirkan kewujudan mereka.

3. **Muzakarah bersetuju memperakukan rumusan penyelidikan bahawa dari segi perundangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah mazhab rasmi Negara Malaysia dan Aliran Syiah serta Salafi Wahabi pada masa kini sedang memberi ancaman serius kepada survival Ahli Sunnah Wal Jamaah**. Kedua-dua aliran pemikiran ini boleh mendatangkan perbalahan dan perpecahan kepada masyarakat Islam di Malaysia.



# FATWA JOHOR

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

بر تاريخ 24 محرم 1438 / 25 اكتوبر 2016

[JMJ.35/04/01/6/39; PUNJ.PP 950-6/WR/1010]

دعنه

داتوء حاج محمد محمدر بن داتوء حاج شمس الدين

مفتي نكري جوهر

### ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

#### PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (Enakmen 16 Tahun 2003), Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan, menyediakan fatwa yang dinyalakan dibawah dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di negeri Johor Darul Ta'zim hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, dari segi akidah berpandukan kepada mazhab Imam Abu Hasan Al-Ashari dan Abu Mansur Al-Maturidi, syariat berpandukan kepada mazhab Imam Syafie. Walau bagaimanapun, tiga mazhab yang muktabar iaitu Al-Hanafi, Al-Maliki, dan Al-Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu dan dari segi tasawuf hendaklah berpegang dengan Imam Junaid Al-Baghdadi dan Imam Al-Ghazali. Walau bagaimanapun, mazhab tasawuuf muktabar yang lain boleh diamalkan selagi ianya tidak bertentangan dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. Bahawa fahaman atau ajaran Wahhabi adalah bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan dan amalan masyarakat Islam di negeri Johor Darul Ta'zim.
3. Fahaman atau ajaran Wahhabi perlu dicegah keseluruhannya dari berkembang di negeri Johor Darul ta'zim kerana ia boleh menimbulkan kecelaruan dan menjadi ancaman kepada keutuhan

pegangan agama, perpaduan ummah, perpaduan bangsa dan keamanan serta keselamatan Negara.

4. Ciri-ciri fahaman atau ajaran Wahhabi adalah seperti berikut:

(1) Fahaman dari sudut akidah antaranya:

- (a) Membahagikan Tauhid kepada 3 bahagian iaitu :
  - i. Tauhid Rububiyah – dengan tauhid ini, mereka mengatakan bahawa orang kafir juga mempunyai tauhid.
  - ii. Tauhid uluhiyyah – dengan tauhid ini, mereka menafikan tauhid umat Islam yang bertawasul, beristighasah, dan bertabarruk sedangkan ketiga-tiga perkara tersebut diterima oleh majoriti ulama Islam khususnya ulama' empat mazhab.
  - iii. Tauhid Asma' dan As-Sifat – kefahaman mereka terhadap tauhid ini dengan mengisbatkan sifat-sifat Allah dalam ayat-ayat mutasyabihat boleh membawa kepada fahaman *Tajsim* dan *Tasybih*.
- (b) Menyatakan bahawa Abu Jahal dan Abu Lahab mempunyai pegangan tauhid yang lebih betul dan lebih murni keyakinan mereka daripada umat Islam yang bertawasul dengan para aulia' dan solihin.
- (c) Menolak Al-Asya'irah dan Al-Maturidiyah yang merupakan pegangan majority ulama' Islam dalam perkara akidah.
- (d) Menolak dan menganggap pengajian sifat 20 sebagai satu konsep yang bersumberkan falsafah Yunani dan Greek.
- (e) Menganggap syirik amalan-amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti tawasul, tabarruk, istighasah, dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah SAW seperti selawat Syifa' dan Tafrijiah.
- (f) Memahami ayat-ayat mutasyabihat secara zahir nas ayat tanpa huraian terperinci daripada ulama' muktabar dan menolak takwil dalam bab mutasyabihat.

(g) Mudah dan erring mendakwa bahawa ramai umat Islam membuat amalan syirik.

(2) Fahaman dari sudut bidaah. Mereka yang berpegang dengan fahaman Wahhabi ini mudah untuk membidaahkan pelbagai amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersifat khilafiah sebagai melakukan bidaah dholalah. Di antara amalan yang didakwa sebagai bidaah dholalah ialah:

- (a) Membaca talqin
  - (b) Membacatahliil untuk si mati yang dikenali sebagai "kenduri arwah"
  - (c) Membaca surah Yasin pada amlam Jumaat
  - (d) Membaca Qunut pada solat Subuh
  - (e) Amalan menghadihkan pahala kepada si mati melalui bacaan Al-Quran, jamuan makan, dan sebagainya
  - (f) Menyambut sambutan Maulidur Rasul SAW
  - (g) Membaca surah Yasin sebanyak 3 kali pada amlam Nisfu Syaaban
  - (h) Membaca Al-Quran diatas kubur
  - (i) Solat tarawih sebanyak 20 rakaat
  - (j) Membaca wirid dan zikir secara beramai-ramai selepas solat fardu
  - (k) Berdoa beramai-ramai selepas solat berjemaah
  - (l) Menyapu muka selepas memberi salam kedua
  - (m) Dua kali azan pada solat Jumaat
  - (n) Menyebut lafaz "usolli" ketika niat solat
  - (o) Membaca bismillah secara kuat, nyaring dalam solat fardu
  - (p) Solat sunnat Qobliyah sebelum solat Jumaat
  - (q) Solat hajat secara berjemaah
  - (r) Bersalaman selepas solat berjemaah
  - (s) Solat sunnat Qobliyah sebelum solat fardu Maghrib.
- (3) Sikap dan sifat yang melampau (ekstrem) Wahhabi, antaranya :
- (a) Menolak beramal dengan hadis dhaif
  - (b) Sering menganggap hadis dhaif sebagai hadis maudu'
    - (c) Memkasa orang lain mengikut pendapat enreka
    - (d) Sering memperlekeh dan merendah-rendah martabat para ulama'



# FATWA JOHOR

- (e) Menolak fahaman bermazhab kepada imam-imam yang empat. Pada hakikatnya mereka membawa fahaman “tanpa mazhab”.
  - (f) Sering mendakwa orang yang bermazhab sebagai taksub mazhab
  - (g) Menghilangkan kesan-kesan sejarah para ambiya’, ulama’, dan solihin dengan dakwaan menghindari syirik.
  - (h) Sering mengungkit persoalan khilafiah
  - (i) Menganggap apa yang mereka amalkan adalah sunnah dan amalan orang lain adalah bidaah dholalah.
  - (j) Melakukan perubahan kepada kitab-kitab turath yang tidak sehaluan dengan mereka.
5. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, mengambil keputusan bahawa fahaman atau ajaran Wahhabi sebagaimana yang dinatakan dalam perenggan 4 adalah dilarang. Larangan ini meliputi :
- i. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan adalah dilarang berpegang atau menjadi pengikut ajaran Wahhabi dan sesiapa yang melakukannya adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan, dan fahaman yang ebrcanggih dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.
  - ii. Mana-mana orang Islam samaada secara individu atau berkumpulan yang mengajar, menganjur, belajar mengadakan, membantu menjayakan apa-apa majlis yang boleh dikaitkan dengan fahaman Wahhabi adalah melakuakn kesalahan.
  - iii. Apa-apa jua bahan hiburan dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegagan, atau fahaman Wahhabi dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter, atau media sosial lain adalah ditegah.
  - iv. Mana-mana orang Islam dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual, atau mengedar filem, rakaman audio atau visual, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa dokumen yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Wahhabi.

- v. Mana-mana orang Islam adalah dilarang dan ditegah daripada memberi apa jua kemudahan, sumbangan, dan bantuan kepada golongan Wahhabi ini daripada mengamal, menyebarkan, dan mengembangkan fahaman dan ajaran Wahhabi di Negeri Johor.
6. Mana-mana orang Islam samaada secara individu atau berkumpulan yang melakukan perkara-perkara dalam perenggan 5 adalah melakuakn suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Johor.

Bertarikh 24 Muharam 1438/ 25 Oktober 2016  
[JMJ. 351/04/01/6/39; PUNJ.PP 950-6/WR/010]

Dengan Titah,  
**DATO’ HAJI M. TAHRIR BIN DATO’ HAJI  
SAMSUDIN**  
*Mufti Negeri Johor*

**CIK SHUBANAH BTE YUSUF**  
*Jurutulis Majlis Mezyuarat Kerajaan Johor*



## **PRINSIP AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH (ASWJ) DALAM WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR**

**(25 OKTOBER 2016)**

**TEAM R&D**  
**JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR**  
**BAHAGIAN PENYELIDIKAN**  
Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor,  
Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725, 80990  
Johor Bahru, Johor.  
Telefon : 07-228 2944 Faks : 07-2244244  
Email : bahagianpenyelidikan@gmail.com  
Facebook : <http://Jainj.johor.gov.my/>



# FATWA PERAK

No. 365.

FATWA MENGENAI PENCEGAHAN MENYEBARKAN ALIRAN DAN  
DAKYAH WAHABIAH DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

DAN BAHAWASANYA menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

"Aliran dan Dakyah Wahabiah didapati bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Perak berdasarkan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan seperti berikut:

- (i) Menolak dan menyesatkan Pengamal pendekatan Tauhid sifat 20;
- (ii) Menganggap syirik berbagai amalan ahli sunnah seperti Selawat Syifa' dan Selawat Tafrijiyyah;
- (iii) Mendakwa bahawa pengikut Aliran Asya'irah dan Maturidiyah tidak layak digelar sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah; dan
- (iv) Menganggap pelaku berbagai amalan ahli sunnah sebagai melakukan bida'ah dhalalah dan akan menjadi penghuni neraka.

- (v) apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan aliran dan dakyah Wahabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur Aliran dan Dakyah Wahabiah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dilarang.
- (vi) Apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas perlu dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang.

Bertarikh 4 Januari 2012  
[MNPk.A351.IST/01/7 JLD2;  
PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Negeri Perak Darul Ridzuan*





# FATWA SABAH

## Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

Jil. LXXII] KOTA KINABALU, KHAMIS, 7 SEPTEMBER 2017 [No. 35

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

No. 273

[No. PMNS: (S): 600-1/2 JILID 15 (143)

### KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI "ALIRAN DAN DAKYAH WAHABIAH"

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 3/2016 telah bersidang pada 10-11 Ogos 2016M/7-8 Zulkaedah 1437H, bertempat di Bilik Seri Beringgis, TH Hotel & Residence, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara "Aliran Dan Dakyah Wahabiah" dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

Aliran dan Dakyah Wahabiah didapati bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Negeri Sabah. Percanggahan tersebut berdasarkan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan aliran Wahabiah seperti berikut:

- (a) Menolak dan menyesatkan pengamal pendekatan Tauhid Sifat 20;
- (b) Menganggap syirik amalan-amalan ahli sunnah seperti perbuatan *tawassul*, *tabarruk* dan *istighathah* dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah SAW seperti Selawat *Syifa* dan Selawat *Tafrijiyyah*;
- (c) Mendakwa bahawa pengikut aliran Asya'irah dan Maturidiyah tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah;

- (d) Membid'ahkan pelbagai amalan ahli sunnah yang bersifat *khilafiyah* sebagai melakukan *bid'ah dalalah* dan pengamalannya akan menjadi penghuni neraka;
- (e) Menganggap amalan dan sambutan-sambutan yang dilakukan bertujuan memuliakan Rasulullah SAW sebagai perbuatan syirik;
- (f) Menolak sepenuhnya beramal dengan hadis daif;
- (g) Memahami al-Quran dan al-Sunnah secara makna zahir semata-mata dan menolak pentakwilan dalam memahami teks al-Quran;
- (h) Menolak fahaman bermazhab;
- (i) Menolak kefahaman dan amalan tarikat tasawuf yang muktabar;
- (j) Mempertikaikan ulama Nusantara yang muktabar serta kitab-kitab karya mereka;
- (k) Mempertikaikan fatwa-fatwa atau keputusan pihak berkuasa agama;
- (l) Berpegang dengan fahaman *tashbih* dan *tajsim* berdasarkan zahir ayat dan hadis yang *mutashabihat*; dan
- (m) Mudah mengkafirkan, membid'ahkan dan memfasikkan golongan yang tidak sehaluan dengan mereka;

Oleh yang demikian, Majlis Fatwa Negeri Sabah mengambil keputusan bahawa;

- (i) Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar aliran dan dakyah Wahabiah adalah disifatkan berfahaman Wahabiah yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya'irah dan Maturidiyah;





# FATWA PAHANG



Laman Web Rasmi  
Jabatan Mufti Negeri Pahang

جائزہ مفتی نگرى پھنگ

Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah,  
Jalan Istana Permai, 26600 Pekan Pahang.  
Tel : 09-4211100 Fax : 09-4224897  
Email : [smufti@pahang.gov.my](mailto:smufti@pahang.gov.my)

search...

LAMAN UTAMA

PENGENALAN

PERKHIDMATAN

DATASET

MUATTURUN

SUMBER

HUBUNGI KAMI

28 Aug  
2017

Posted in [KEPUTUSAN FATWA 2014](#)

**TAJUK :**

Tegahan Dan Larangan Menyebarkan Ajaran Salafiah @ Wahabiah Dan Seumpamanya Di Negeri Pahang

**OLEH:**

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang pada 19 Februari 2014

**KEPUTUSAN :**

Mesyuarat bersetuju memutuskan dilarang mana-mana orang Islam menyebarkan dan menyimpan bahan bacaan Ajaran As-Salafiah @ Al-Wahabiyah dan seumpamanya

Tindakan secara penguatkuasaan undang-undang boleh dilaksanakan kepada sesiapa yang melanggar larangan tersebut mengikut kesalahan yang terkandung di dalam Enakmen Jenayah Syariah 2013

Sesiapa yang mempunyai tauliah dan melanggar larangan tersebut boleh diambil tindakan undang-undang dan ditarik tauliah atau kebenaran mengajar yang telah di berikan

**KETERANGAN/HUJAH :**

1. Ajaran As Salafiah @ Wahabiyah adalah ajaran yang berlainan dengan apa yang dipegang oleh umat Islam di Malaysia yang berlandaskan mazhab Asyirah dan Maturidiah di dalam akidah dan mazhab Syafie di dalam bab Fekah.
2. Ajaran As Salafiah @ Wahabiyah kebiasaannya menganggap apa yang diamalkan oleh umat Islam di Malaysia sejak sekian lama adalah sebagai bidaah. Sedangkan amalan-amalan seperti tahlil, bacaan Yasin malam Jumaat, bacaan Qunut dan sebagainya itu hanyalah khilafiyah di kalangan ulama Islam.
3. Adalah terbukti di sesetengah tempat kewujudan ajaran As-Salafiah @ Wahabiyah ini membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam di Malaysia. Oleh itu, ajaran ini adalah di larang diajar dan diamalkan di Negeri Pahang khususnya.

Print Email



# FATWA NEGERI SEMBILAN



SELAMAT DATANG KE JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI

جائزہ مفتی کراچی نگرہی سمبیلن کے خصوصی

FAQ

SOAL  
JAWAB



FALAK &  
SUMBER



HIMPUNAN  
FATWA



TARIQAT  
TASAUWUF

## Aliran dan Dakyah Wahhabiah

Home » fatwa » Akidah » **Aliran dan Dakyah Wahhabiah**



## Tajuk: Aliran dan Dakyah Wahhabiah

◆ Kategori: Akidah

Status Pewartaan: Diwartakan

Tahun: 2015

### Keputusan: (Sighah)

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan telah membincangkan fatwa berkaitan Aliran dan Dakyah Wahhabiah pada mesyuaratnya bertarikh 17 Disember 2014, 25 Februari 2015 dan 24 Mac 2015. Mesyuarat telah memutuskan Aliran dan dakyah Wahhabiah didapati bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Negeri Sembilan. Percanggahan tersebut berdasarkan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan aliran Wahhabiah seperti berikut :

1. Menolak dan menyesatkan pengamal pendekatan Tauhid Sifat 20;
2. Menganggap syirik amalan-amalan ahli sunnah seperti perbuatan tawassul, tabarruk dan istighathah dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah seperti Selawat Syifa' dan Selawat Tafrijiyyah;
3. Mendakwa bahawa pengikut aliran Asya'irah dan Maturidiyah tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah wa al-Jamaah;
4. Membid'ahkan pelbagai amalan ahli sunnah yang bersifat khilafiah sebagai melakukan bid'ah dhalalah dan pengamalannya akan menjadi penghun



# KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK WILAYAH PERSEKUTUAN

HIMPUNAN FATWA WILAYAH PERSEKUTUAN TIDAK DIWARTAKAN 1975-1999



## KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK WILAYAH PERSEKUTUAN

5/36/1993

29 DISEMBER 1993

### FAHAMAN WAHABI

Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-36/1993 yang bersidang pada 29 Disember 1993 telah **memutuskan** bahawa:

1. Satu laporan dan cadangan tindakan **hendaklah dimajukan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.**
2. Mengemukakan pandangan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak kepada ketua dan penerbit bahagian dakwah dan agama televisyen Malaysia supaya **tidak menjemput para penceramah yang membawa fahaman wahabi berceramah melalui radio dan televisyen Malaysia.**
3. Meminta kerjasama Bahagian Hal Ehwal Islam supaya **memanggil para penceramah untuk berbincang dan diberi maklumat yang tepat mengenai sasaran dakwah** Wilayah Persekutuan khususnya dan di Malaysia umumnya.

Bertarikh 29 Disember 1993  
MJKPHSWP Kali Ke-36/1993

**TAN SRI ABDUL KADIR BIN TALIP**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak  
Wilayah Persekutuan





# FATWA ULAMA INDONESIA

▪ Syeikh Abū al-Faḍl bin ‘Abd al-Shakūr al-Senoūrī Bā‘īlān (w. 1991 M) di dalam *Syarḥ al-Kawākib al-Lamā‘ah fī Taḥqīq Mussamā Biahlī al-Sunnah Wa al-Jamā‘ah*.

▪ ثم أسس هؤلاء التابعون للمذهب الوهابي مُنظَّمَةً سموها "محمدية" وذلك باليوم الثامن عشر من شهر ديسمبر سنة 1912 م. وَلَيْتَهُمْ أَسَسُوا مُنظَّمَتَهُمْ عَلَى المذهب الوهابي الخالص، لكنهم أسسوها على هذا المذهب في ترك التقليد للمذاهب الأربعة ورفض أقوال علمائها. وأما في غيرهما فليسوا تابعين له بل على مذاهب الذين سماهم السيد محمد رشيد رضا ملاحدة من مصريين وأتراك كمصطفى كمال وعلي عبد الرزاق وغيرهما. وذلك أنهم لما منعوا الناس من تقليد أحد المجتهدين أمروا الناس مطلقا أي سواء كان عالما أو جاهلا أن يأخذوا الأحكام الدينية من القرآن والأحاديث النبوية. فترى كثيرا منهم يفسرون القرآن والأحاديث وهم لا يعرفون شيئا من اللغة العربية. لا بل ترى كثيرا منهم يجدون بعض تراجم القرآن والأحاديث في بعض الكتب المؤلفة بغير العربية فيدعون أنه من عند أنفسهم. وما أخذوا وما فسروا إلا بما يوافق نفوسهم وأهواهم فضلوا وأضلوا.



# FATWA ULAMA INDONESIA

- Kemudian mereka yang bermazhab Wahhābī mengasaskan organisasi mereka dan mereka menamakannya sebagai 'al-Muḥammadiyah' pada 18 Disember 1912. Dasar pegangan mazhab mereka ini berumbikan akidah wahhābī secara mutlak. Asas mazhab mereka adalah meninggalkan tradisi empat mazhab, menolak taqlid kepada 'ulamā' dan memartabatkan pendapat-pendapat 'ulamā' Wahhābī. Adapun selain daripada itu, yang tidak tergolong sebagai pengikut Muḥammad bin 'Abd al-Wahhāb, dinisbahkan kepada pengikut mazhab yang dinamakan oleh Muḥammad Rasyīd Reḍa sebagai al-Mulḥid dari kalangan orang-orang Mesir dan Turki seperti Mustafā Kamāl, 'Ali 'Abdul Razzaq dan selain keduanya. Di samping itu, ketika mereka menghalang manusia daripada bertaqlid kepada para imam mujtahidin, mereka bahkan mengarahkan manusia untuk mengambil hukum-hakam agama secara langsung daripada al-Quran dan al-Hadith samada mereka alim atau jahil. Kamu akan dapat melihat ramai daripada mereka mentafsirkan al-Qur'an dan al-Hadith sedangkan mereka tidak memahami bahasa Arab walau sedikit pun. Bahkan kamu juga akan dapat melihat ramai daripada mereka mendapati beberapa terjemahan al-Qur'an dan al-Hadith dalam beberapa buku yang ditulis bukan berbahasa Arab lalu mereka mendakwa bahawa terjemahan tersebut adalah berasal daripada mereka. Tidaklah mereka mengambil dan mengtafsirkan al-Quran kecuali dengan mengikut hawa nafsu mereka yang sesat lagi menyesatkan.



# WAHHABI ADALAH KHAWARIJ DI SISI ULAMA HANAFI

مَطْلَبٌ فِي اتِّبَاعِ ابْنِ عَبْدِ الْوَهَّابِ الْخَوَارِجِ فِي زَمَانِنَا  
قوله: (ويكفرون أصحاب نبينا ﷺ) علمت أن هذا غير شرط في مسمى  
الخوارج، بل هو بيان لمن خرجوا على سيدنا علي رضي الله تعالى عنه، وإلا فيكفي  
فيهم اعتقادهم كفر من خرجوا عليه، كما وقع في زماننا في اتباع ابن عبد الوهاب الذين  
خرجوا من نجد وتغلبوا على الحرمين وكانوا يتحلون مذهب الحنابلة، لكنهم اعتقدوا  
أنهم هم المسلمون وأن من خالف اعتقادهم مشركون، واستباحوا بذلك قتل أهل السنة  
وقتل علمائهم، حتى كسر الله تعالى شوكتهم وخرّب بلادهم وظفر بهم عساكر  
المسلمين عام ثلاث وثلاثين ومائتين وألف. قوله: (كما حققه في الفتح) حيث قال:

رَدُّ الْمَحْتَضِلِ

عَلَى

لِحَاثِمَةِ الْمُحَقِّقِينَ  
مُحَمَّدِ بْنِ الشَّهِيرِ بَابِ عَابِرِينَ

الدَّرَالْمُخْتَارِ شَرْحُ تَنْوِيرِ الْأَبْصَارِ



# WAHHABI ADALAH KHAWARIJ DI SISI ULAMA HANAFI


**Satu Bab Pada Menyatakan Tentang Pengikut-pengikut Ibn al-Wahab iaitu Khawarij di Zaman ini**

■ قوله (ويكفرون أصحاب نبينا صلى الله عليه) علمت أن هذا غير شرط في مسمى الخوارج، بل هو بيان لمن خرجوا على سيدنا علي رضي الله عنه ، وإلا فيكفي فيهم اعتقادهم كفر من خرجوا عليه كما في زماننا في اتباع (محمد بن عبد الوهاب) الذين خرجوا من نجد ، وتغلبوا على الحرمين وكانوا يتحلون مذهب الحنابلة لكنهم اعتقدوا أنهم هم المسلمون ، وأن من خالف اعتقادهم مشركون ، واستباحوا بذلك قتل أهل السنة، وعلمائهم.

- *Kata pengarang (dan mereka mengkafirkan para sahabat Nabi kita SAW) telah engkau ketahui bahawa ini bukan syarat kumpulan yang dinamakan Khawarij, bahkan ia sekadar tanda bagi sesiapa yang menentang Sayyidina 'Ali RA. Jikalau tidak, maka cukuplah bagi mereka pada pegangan mereka kufur sesiapa yang menentang Sayyidina 'Ali RA seperti yang berlaku pada zaman kita di dalam mengikuti Muḥammad bin 'Abd al-Wahhāb yang datang dari Najd dan menguasai dua tanah haram (Makkah dan Madinah), dan mereka mendakwa bahawa mereka bermazhab Hanbali akan tetapi meyakini bahawa hanya mereka sahaja yang muslim dan sesiapa yang menyalahi pegangan mereka dianggap sebagai orang musyrik. (Disebabkan itu) maka mereka menghalalkan darah (membunuh golongan) Ahli Sunnah dan 'ulamā' mereka.*



# WAHHABI ADALAH KHAWARIJ DI SISI ULAMA MALIKI



وغير ذلك ففي هذه الآيات تسليية له صلى الله عليه وسلم على كفر قومه وقبل هذه الآية نزلت في  
الخوارج الذين يحرفون تاويل الكتاب والسنة ويستحلون بذلك دماء المسلمين وأولادهم كما هو  
مشاهد الآن في نظائرهم وهم فرقة بارض الحجاز يقال لهم الوهابية يحسبون أنهم على  
شيء إلا إنهم هم الكاذبون استحوذ عليهم الشيطان فاسأهم ذكر الله أو نذك حزب الشيطان إلا ان  
حزب الشيطان هم الخاسرون نسأل الله الكريم ان يقطع دابرهم وقيل نزلت في اليهود



# WAHHABI ADALAH KHAWARIJ DI SISI ULAMA MALIKI


**Hashiyah al-'Alim al-'Allamah al-'Arif biLlah al-Shaykh Ahmad  
al-Sawi al-Maliki atas Tafsir al-Jalalayn**

- *“Kaum Khawarij, mereka yang menyelewengkan penafsiran al-Quran dan al-Sunnah, yang dengannya mereka menghalalkan darah dan harta kaum muslimin, sebagaimana yang dapat dilihat sekarang pada kumpulan yang sama seperti mereka iaitu satu golongan di tanah Hijaz yang disebutkan Wahhabiyyah*



# WAHHABI ADALAH KHAWARIJ DI SISI ULAMA SYAFIE

'Alawi Aḥmad bin al-Ḥadad, *Misbāh al-Anām fi al-Rad 'Ala al-Wahhābiyyah* (*Misbāḥ al-Anām wa Jalā' al-Ḍalām fī Raddi Syubahi al-Bid'ie al-Najdī Allatī Aḍalla Biha al-'Awām*), hlm 2.



كثيرا نسردھا كما هنا وأهم من ذلك كله ما ذكره النبي صلى الله عليه وسلم الصادق المصدوق فيه أي  
